

SULIT  
1103/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
Ogos/September  
2014  
2½ jam

1103/2



---

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

---

PEPERIKSAAN SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2014

---

---

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
  2. *Jawab semua soalan.*
  3. *Jawab bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d), dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
  4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
- 
- 

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak

**Soalan 1: Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan bangunan hijau dan masalah-masalah pelaksanaan bangunan hijau**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sebahagian rakyat Malaysia masih janggal dengan istilah bangunan hijau walaupun kaedah baharu ini telah berjaya dilaksanakan. Bangunan hijau ialah bangunan yang mempraktikkan kepentingan alam semula jadi, bermula daripada lakaran pembinaan, operasi dan penyelenggaraan sehingga peringkat pengubahsuaian. Bangunan hijau dicipta untuk mengurangkan kesan kepesatan pembangunan terhadap alam sekitar. Di Singapura, pembinaan bangunan hijau menjadi keutamaan pemaju hartanah. Hal ini demikian kerana bangunan hijau dapat meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga, air dan bahan mentah.

Penciptaan bangunan hijau merupakan inovasi baharu yang juga serampang dua mata. Pembinaan bangunan hijau bukan sahaja menjimatkan sumber tenaga yang digunakan tetapi kos operasinya didapati agak rendah berbanding dengan bangunan biasa. Ketidastabilan suhu persekitaran dalam bangunan biasa amat membimbangkan walaupun ramai yang tidak menyedari kesan negatif daripada masalah tersebut. Namun demikian, bangunan hijau telah berjaya mengimplementasikan kawalan suhu dan pengalihan udara yang berkesan.

Ketika ini, bangunan hijau menjadi semakin relevan dan sangat berpotensi untuk mengelakkan pendedahan sinaran ultra yang berbahaya. Struktur bangunan yang dibina bukan sahaja mengutamakan kelestarian alam sekitar tetapi dilihat berhasil memberikan impak yang positif dalam aspek kawalan peningkatan pencahayaan. Maka, secara tidak langsung bangunan hijau mampu berperanan untuk menjaga kesihatan penghuni di dalamnya. Walaupun kos pembinaan bangunan seumpama ini tinggi tetapi kewujudannya sangat diperlukan demi generasi berikutnya.

Bagi menarik lebih banyak pemaju hartanah supaya lebih prihatin terhadap alam sekitar, pihak kerajaan bersetuju menyediakan skim insentif khas kepada pemaju bangunan yang berjaya *menepati standard* Indeks Bangunan Hijau (Malaysia). Selain itu, dana turut disediakan melalui Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS). Kerajaan juga menanggung sebanyak dua peratus daripada jumlah kadar faedah setahun. Skim insentif yang ditawarkan oleh kerajaan dijangka dapat membantu mengurangkan pembebasan karbon ke udara melalui pembinaan lebih banyak bangunan hijau. Oleh hal yang demikian, dalam mengejar pembangunan, semua pihak perlu sedar bahawa pembangunan yang mesra alam lebih tinggi nilainya berbanding dengan bangunan biasa, khususnya dalam usaha melindungi alam sekitar.

Dipetik dan diubah suai daripada,  
'Bangunan Pintar'  
oleh Azmi Ibrahim  
Dewan Masyarakat, Julai 2012

## Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

## Soalan 2 (a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud *menepati standard*. [2 markah]

(ii) Pengarang ada menyatakan beberapa usaha kerajaan untuk menggalakkan pemaaju perumahan supaya prihatin terhadap alam sekitar.

Nyatakan usaha-usaha tersebut. [3 markah]

(iii) Selain pihak kerajaan, terdapat beberapa pihak yang mampu mengimplementasikan bangunan hijau di negara kita.

Jelaskan pendapat anda tentang dua peranan yang boleh dimainkan oleh pihak lain dalam menjayakan hasrat ini.

[4 markah]

## Soalan 2 (b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- JAMIL : Dia tak tembak tuk?
- TUK WALI : Pistol dia jatuh entah ke mana... dua orang lagi meluru dari dalam kedai. Dua orang tu menyerang tuk dengan kapak! Serentak! Tuk elak kiri kanan! Tuk rasa letih, mata tuk kelabu, kepala rasa pening. Tuk mengelak, tapi terlambat. Serangan yang datang bertubi-tubi! Tuk terlanggar kerusi, tuk jatuh terlentang!
- JAMIL : Eee! Takutnya! Tuk tak lari ke?
- HALIM : Tuk dah jatuh, macam mana nak lari? Engkau ni teruklah! Sendiri mau fikirilah!
- TUK WALI : Dua orang tu ayun kapak, tinggi atas kepala. Dia orang memang nak bunuh tuk... tuk dah tak berdaya nak melawan. Tuk cuma menunggu kapak tu sampai hinggap atas kepala. Tuk cuma berdoa!
- HALIM : Tak ada orang datang menolong tuk?
- TUK WALI : Tiba-tiba tuk terpegang pistol! Tuk acu pistol kepada dua orang perompak tu! Dia buang kapak! Kamu tau apa dia orang buat? Melutut! Menangis merayurayu!

Dipetik daripada drama 'Gelanggang Tuk Wali'  
oleh Ismail Kassin  
dalam antologi *Harga Remaja*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah reaksi Tuk Wali ketika diserang? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah kelebihan yang dimiliki oleh seseorang yang mahir dalam seni pertahanan diri? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Tuk Wali yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satu** perwatakannya yang lain daripada keseluruhan drama itu yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka bertitahlah Sultan Raja Sulaiman kepada Opu Daeng yang berlima bersaudara itu, “Kerana saya ini hendak minta tolong benar-benar, seboleh-bolehnya hal kesakitan saya semua orang Riau ini oleh orang Siak. Dilanggarnya, kemudian ditaruhnya di bawah perintah, kebesaran di Riau sekaliannya dibawanya pulang ke Siak, seperti bedil kerajaan Laila Majnun, serta dengan gendaga emas dan periuk emas, dan puan emas dan sekaliannya kerajaan dibawanya. Dan saudara saya perempuan dibawanya ke Siak, dirampasnya, dibuatnya bini oleh Yang Amtuan Raja Kecil, itulah ibunya Yang Amtuan Raja Bunga.

Syhadan maka menyahut Opu Daeng yang berlima bersaudara itu, berkhabar kepada Yang Amtuan Raja Sulaiman, “Dan jikalau mahu kita berjanji betul-betul cakup, saya menolong. *Insyah-Allah*, seboleh-bolehnya saya tolong, dengan kuasa daripada Allah Yang Amtuan Raja Sulaiman menjadi Yang Amtuan Besar. Saya semua pilihlah yang berlima ini siapa yang patut jadi Yamtuan Muda? Saya semua seperti laki-laki. Raja Sulaiman menjadi seperti perempuan, diberi makan baharu makan; apa kata Yang Amtuan Muda barang suatu perintah dan barang suatu bicara.” Demikianlah khabar Opu Daeng yang berlima bersaudara.

Maka dijawab oleh Sultan Raja Sulaiman, “Baiklah.”

Maka Opu Daeng itu pun mengaruk seraya berkata-kata, “Raja Sulaiman lihat saya nyata-nyata, jikalau sungguh-sungguh bagai dikata, *insyah-Allah* sayalah cakup *menghapuskan malu Duli Mahkota*.”

Dipetik daripada  
‘Hikayat Opu Daeng Menambun’  
dalam antologi *Dirgahayu, Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah maksud *menghapuskan malu*? [2 markah]
- (ii) Mengapakah Sultan Raja Sulaiman bersungguh-sungguh meminta pertolongan daripada Opu Daeng lima bersaudara? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, wajarkah Sultan Raja Sulaiman melantik salah seorang daripada Opu Daeng lima bersaudara menjadi Yang Amtuan Muda sekiranya berjaya menyelamatkan Riau?

Berikan **dua** sebab. [3 markah]

**Soalan 2 (d) – Gurindam**

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Gurindam 12 Fasal yang Keenam**

Cahari olehmu akan sahabat,  
Yang boleh dijadikan ubat.

Cahari olehmu akan guru,  
Yang boleh tahukan tiap seteru.

Cahari olehmu akan isteri,  
Yang boleh menyerahkan diri.

Cahari olehmu akan kawan,  
Pilih segala orang setiawan.

**Abu Hassan Sham (Penyelenggara)**

*Antologi Harga Remaja*

Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Apakah saranan pengarang dalam **rangkap kedua** gurindam di atas? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah seseorang perlu memilih rakan yang setia? [3 markah]
- (iii) Kemukakan **dua** pengajaran yang terdapat dalam Gurindam 12 Fasal yang Keenam. [4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[ 30 markah ]

*Jawab semua soalan.*

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap pasangan kata di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, memukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- |       |       |   |               |
|-------|-------|---|---------------|
| (i)   | habis | - | habis-habisan |
| (ii)  | besar | - | besar-besaran |
| (iii) | mudah | - | mudah-mudahan |

[6 markah]

- (b) *Cerakinkan ayat-ayat majmuk dalam ayat di bawah kepada enam ayat tunggal tanpa mengubah maksud asalnya.*

Malaysia mempraktikkan bioteknologi dan bidang ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Bidang ini dimajukan dalam sektor pertanian bagi menampung keperluan makanan negara. Rakyat boleh memanfaatkan teknologi untuk menambahkan pendapatan.

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Jabatan Kebajikan Masyarakat akan mengagehkan beras dan barang keperluan asas kepada semua mangsa terbakar di Rantau Panjang semalam.
- (ii) Pusat hiburan dan snooker itu telah diberi amaran agar dipendekkan masa operasinya.
- (iii) Semua pihak perlu mengembleng tenaga dan bersikap pro-aktif untuk kegemilangan Malaysia di persada dunia.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Ibu memuji keelokan kuih buah melaka yang dibuat oleh saya semalam.
- (ii) Sesetengah penonton yang tidak berpuas hati telah membaling objek seperti botol bila para pemain gagal memasukkan gol.
- (iii) Pengetua sekolah tersebut akan membincangkan tentang masalah-masalah yang ditempuhi oleh pelajar-pelajar baharu dalam mesyuarat guru pada minggu hadapan.

[6 markah]

(e) Lengkapkan peribahasa di bawah dan salin semula keseluruhan peribahasa tersebut.

- (i) Bukit sama didaki, \_\_\_\_\_
- (ii) Genggam bara api, \_\_\_\_\_
- (iii) Kalau tak dipecahkan ruyung \_\_\_\_\_
- (iv) \_\_\_\_\_ lautan dalam jangan diduga.
- (v) \_\_\_\_\_ jangan berumah di tepi pantai.
- (vi) \_\_\_\_\_ hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri.

[6 markah]



**Soalan 4 : Novel**

[15 markah ]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Papa... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Khold Hamzah
- (viii) Sutura dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

(a) Huraikan **dua latar masyarakat** yang terdapat dalam sebuah novel yang anda kaji.

[7 markah]

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari jelaskan **satu peristiwa** yang meninggalkan kesan mendalam kepada anda daripada setiap novel.

[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**